


LAPORAN  
OPERASI  
1999  
OPERATIONAL  
REVIEW

LAPORAN OPERASI 1999 OPERATIONAL REVIEW



**RASIONAL: Pembangunan Syarikat Komunikasi Abad Ke 21**

Secara keseluruhan visual ini, menggambarkan satu revolusi. Revolusi perniagaan komunikasi ke arah digital dan globalisasi. Komunikasi dunia terbentuk daripada keupayaan fiber optik yang menjanjikan kecekapan dan keberkesanan dalam komunikasi.

Tanpa mengambil kira industri mana yang diceburi, komunikasi tanpa wayar telah menghasilkan pertukaran maklumat ke tahap yang amat memuaskan. Internet membolehkan pesanan di hantar ke seluruh dunia dalam beberapa saat sahaja.

Individu dan ahli perniagaan berinteraksi dengan menekan butang di papan kekunci membuktikan komunikasi sebegini diterima dalam kehidupan seharian. Menyedari hakikat ini, Telekom Malaysia berusaha untuk menjadi syarikat komunikasi abad ke 21.

**RATIONALE: Building a 21st Century Communications Company**


The visual as a whole, illustrates a movement. The movement of the communication business towards a globalised and digitalised era. Fibre optics promising speed and efficiency, forms the realm of the communications world.

Regardless of which industry you are looking at, wireless communication has simplified information exchange to an unbelievable level of convenience. The internet allows mails to be sent across continents within seconds.

Individuals and business personnel interacting on the buttons of keyboard show that communication is significantly integrated in their everyday life. Realising this, Telekom Malaysia strives at building a 21st century communications company.

TELEKOM MALAYSIA BERHAD

(128740 -P)



**LAPORAN  
OPERASI  
1999  
OPERATIONAL  
REVIEW**

**LAPORAN OPERASI 1999 OPERATIONAL REVIEW**

TELEKOM MALAYSIA BERHAD

(128740 -P)

**LAPORAN  
OPERASI  
1999  
OPERATIONAL  
REVIEW**

LAPORAN OPERASI 1999 OPERATIONAL REVIEW



## KANDUNGAN CONTENTS

Notis Mesyuarat Agung Tahunan	Notice of Annual General Meeting	2
Maklumat Penting Kewangan Kumpulan Lima Tahun	Five Years Group Financial Highlights	6
Prestasi Kewangan Kumpulan 1999	Group Financial Performance 1999	8
Analisa Segmen Kumpulan	Group Segment Analysis	9
Perangkaan Perniagaan & Lain-lain	Business & Other Statistics	10
Maklumat Korporat	Corporate Information	11
Lembaga Pengarah	Board of Directors	13
Jawatankuasa Audit	Audit Committee	22
Jawatankuasa Pengurusan	Management Committee	24
Laporan Pengerusi	Chairman's Statement	29
Laporan Ketua Eksekutif	Chief Executive's Statement	35
Laporan Operasi	Operations Review	51
Operasi Kawasan	Regional Operations	79
Anak-anak Syarikat	Subsidiaries	85
Pelaburan Antarabangsa	International Ventures	94
Ulasan Kewangan Kumpulan	Group Financial Review	101
Pembangunan Korporat	Corporate Development	107
Y2K	Y2K	110
Peristiwa-peristiwa Penting Sepanjang Tahun	Highlights of the Year	113
Kalendar Kewangan	Financial Calendar	133
Masyarakat Prihatin	Caring Society	134
Maklumat Pemegang Saham dan Pelabur	Shareholders and Investor Information	142



## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**DENGAN INI DIBERITAHU BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Limabelas akan diadakan pada jam 11.00 pagi, hari Selasa, 9 Mei 2000 di Grand Nirwana Ballroom, KL Hilton, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur untuk tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk menerima, menimbang dan meluluskan Akaun-akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 berserta Laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit berkaitan dengannya. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk meluluskan pengisyhtaran dividen yang pertama dan terakhir sebanyak 10% (dikecualikan Cukai Pendapatan Malaysia). **(Resolusi Biasa 2)**
3. (a) Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara di bawah Artikel 98:
  - (i) Dato' Ir Muhammad Radzi bin Haji Mansor
  - (ii) Dr Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir**(Resolusi Biasa 3)**
  
 (b) Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara di bawah Artikel 103:
  - (i) Datuk Nuraizah bt Abdul Hamid
  - (ii) YB Joseph Salang Gandum**(Resolusi Biasa 4)**
4. Untuk meluluskan yuran dan bayaran Pengarah-pengarah. **(Resolusi Biasa 5)**
5. Untuk melantik Juruaudit dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah menetapkan bayaran mereka. **(Resolusi Biasa 6)**
6. Sebagai **URUSAN KHAS:** **(Resolusi Biasa 7)**

Untuk menimbang dan jika difikirkan wajar meluluskan Resolusi Biasa berikut:

### **RESOLUSI BIASA NO. 9:**

“ **BAHAWA** tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tataurus Syarikat, kelulusan dari Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan badan Kerajaan atau pihak berkuasa lain, di mana kelulusan tersebut diperlukan, kuasa sepenuhnya adalah dengan ini diberi kepada Lembaga Pengarah selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat 1965, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham-saham di dalam modal Syarikat pada bila-bila masa dengan terma dan syarat-syarat dan tujuan-tujuan tertentu sebagaimana Pengarah-pengarah, pada budi bicara mutlak mereka beranggapan patut, dengan syarat bilangan aggregat saham yang akan diterbitkan, tidak melebihi 10% daripada modal saham terbitan Syarikat.”

**DENGAN INI JUGA DIBERITAHU BAHAWA** seseorang Pendeposit akan hanya layak untuk menghadiri Mesyuarat ini berhubung dengan:

- a. Saham-saham yang didepositkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 28 April 2000 (bagi saham-saham yang dikecualikan dari Deposit Mandatori);
- b. Saham-saham yang dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 28 April 2000, berkaitan dengan Pindahan-pindahan Biasa;
- c. Saham-saham yang dibeli di BSKL atas dasar kelayakan menurut Peraturan-peraturan BSKL.

Pemegang-pemegang saham diingatkan bahawa selaras dengan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan)(No. 2), 1998 yang berkuatkuasa pada 1 November 1998, saham-saham yang tidak didepositkan dengan Malaysian Central Depository Sdn Bhd pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 1 Disember 1998 dan tidak dikecualikan dari Deposit Mandatori, telah dipindahkan kepada Menteri Kewangan. Justeru itu, kelayakan untuk menghadiri Mesyuarat ini bagi saham-saham yang tidak didepositkan itu dimiliki oleh Menteri Kewangan.

### **NOTIS PENUTUPAN BUKU UNTUK PEMBAYARAN DIVIDEN**

**DENGAN INI JUGA DIBERITAHU BAHAWA** Buku Pendaftaran Ahli-ahli akan ditutup dari 23 Mei 2000 hingga 25 Mei 2000 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) bagi menentukan kelayakan Pemegang-pemegang saham ke atas dividen. Pembayaran dividen, jika diluluskan oleh Pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Limabelas, akan dibayar pada 19 Jun 2000 kepada Pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Buku Pendaftaran Ahli-ahli dan Rekod Pendeposit pada 22 Mei 2000.

**DENGAN INI JUGA DIBERITAHU BAHAWA** seseorang Pendeposit adalah layak untuk menerima dividen berhubung dengan:

- a. Saham-saham yang didepositkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 17 Mei 2000 (bagi saham-saham yang dikecualikan dari Deposit Mandatori);
- b. Saham-saham yang dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 22 Mei 2000, berkaitan dengan Pindahan-pindahan Biasa;
- c. Saham-saham yang dibeli di BSKL atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan BSKL.

Pemegang-pemegang saham diingatkan bahawa selaras dengan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan)(No. 2), 1998 yang berkuatkuasa pada 1 November 1998, saham-saham yang tidak didepositkan dengan Malaysian Central Depository Sdn Bhd pada atau sebelum jam 12.30 tengahari pada 1 Disember 1998 dan tidak dikecualikan dari Deposit Mandatori, telah dipindahkan kepada Menteri Kewangan. Justeru itu, dividen bagi saham-saham yang tidak didepositkan itu akan dibayar kepada Menteri Kewangan.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Wang Cheng Yong  
Zaiton Ahmad  
**Setiausaha-Setiausaha**

Kuala Lumpur  
Tarikh: 21 April 2000

**Nota:**

- (i) Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- (ii) Suratcara perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau pihak yang berkuasa yang dilantik di bawah surat wakil kuasa atau jika sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, samada disempurnakan dengan cop mohornya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil kuasa yang dilantik di bawah surat wakil kuasa.
- (iii) Suratcara perlantikan proksi mestilah dikemukakan ke Pejabat Berdaftar Syarikat, Tingkat 2, Ibupejabat Telekom Malaysia, Jalan Pantai Bahru, 50672 Kuala Lumpur, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mengadakan Mesyuarat tersebut atau sebarang penundaannya.
- (iv) Nota Penjelasan untuk Resolusi Biasa No. 9

Selaras dengan rancangan Syarikat untuk memperkembangkan/mempelbagaikan perniagaannya, Syarikat pada masa ini sedang giat mengkaji bidang-bidang yang boleh diterokai untuk memperluaskan skop operasi dan meningkatkan sumber pendapatan Syarikat. Memandangkan perkembangan/kepelbagaian aktiviti-aktivitinya mungkin melibatkan penerbitan saham-saham baru, Pengarah-pengarah, dalam keadaan sekarang, perlu mengadakan mesyuarat agung untuk meluluskan penerbitan saham-saham baru walaupun jumlah saham yang terlibat adalah kurang dari 10% daripada modal terbitan saham Syarikat. Untuk mengelakkan sebarang kelewatan dan peningkatan kos yang terbabit dalam mengadakan mesyuarat agung bagi meluluskan penerbitan saham-saham baru, ia adalah difikirkan wajar agar Pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menerbitkan saham-saham di dalam Syarikat sehingga satu jumlah yang tidak melebihi, 10% daripada jumlah keseluruhan modal terbitan saham Syarikat pada masa ini untuk tujuan-tujuan yang difikirkan sesuai dan patut oleh Pengarah-pengarah bagi kepentingan Syarikat. Kuasa ini, melainkan dibatal atau diubah di dalam sesuatu mesyuarat agung, akan berakhir pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.



## NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT** the Fifteenth Annual General Meeting of the Company will be held at 11.00 a.m., on Tuesday, 9 May 2000 at the Grand Nirwana Ballroom, KL Hilton, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, for the following purposes:

1. To receive, consider and adopt the audited Accounts for the year ended 31 December 1999 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon. **(Ordinary Resolution 1)**
2. To approve the declaration of a first and final dividend of 10% (Malaysian Income Tax exempted) in respect of the year ended 31 December 1999. **(Ordinary Resolution 2)**
3. To re-elect the following Directors:
  - (a) Retiring pursuant to Article 98:
    - (i) Dato' Ir Muhammad Radzi bin Haji Mansor
    - (ii) Dr Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir**(Ordinary Resolution 3)**  
**(Ordinary Resolution 4)**
  - (b) Retiring pursuant to Article 103:
    - (i) Datuk Nuraizah bt Abdul Hamid
    - (ii) YB Joseph Salang Gandum**(Ordinary Resolution 5)**  
**(Ordinary Resolution 6)**
4. To approve Directors' fees and remuneration. **(Ordinary Resolution 7)**
5. To appoint Auditors and to authorise the Directors to fix their remuneration. **(Ordinary Resolution 8)**
6. As **SPECIAL BUSINESS:**

To consider and if thought fit to pass the following Ordinary Resolution:

**ORDINARY RESOLUTION NO. 9:**

“**THAT** subject to the Companies Act 1965, the Articles of Association of the Company, approval from the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) and other Government or regulatory bodies, where such approval is necessary, full authority be and is hereby given to the Board of Directors pursuant to Section 132D of the Companies Act 1965, to allot and issue shares in the capital of the Company at any time upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may in their discretion deem fit provided always that the aggregate number of shares to be issued, shall not exceed 10% of the issued share capital of the Company.”

**FURTHER NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT** a Depositor shall be eligible to attend this meeting only in respect of:

- a. Shares deposited into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 28 April 2000 (in respect of shares which are exempted from Mandatory Deposit);
- b. Shares transferred into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 28 April 2000 in respect of Ordinary Transfers;
- c. Shares bought on the KLSE on a cum entitlement basis according to the Rules of the KLSE.

Shareholders are reminded that pursuant to the Securities Industry (Central Depositories) (Amendment)(No. 2) Act, 1998 which came into force on 1 November 1998, all shares not deposited with Malaysian Central Depository Sdn Bhd by 12.30 p.m. on 1 December 1998 and not exempted from Mandatory Deposit, have been transferred to the Minister of Finance (MOF). Accordingly, the eligibility to attend this Meeting for such undeposited shares will be the MOF.

**NOTICE OF BOOK CLOSURE FOR PAYMENT OF DIVIDENDS**

**NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN THAT**, the Register of Members will be closed from 23 May 2000 to 25 May 2000 (both dates inclusive) to determine the Shareholders' entitlement to the dividend payment. The dividend, if approved by the Shareholders at the Company's Fifteenth Annual General Meeting, will be paid on 19 June 2000 to Shareholders whose names appear in the Register of Members and Record of Depositors on 22 May 2000.

**FURTHER NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT** a Depositor shall qualify for dividend entitlement only in respect of:

- a. Shares deposited into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 17 May 2000 (in respect of shares which are exempted from Mandatory Deposit);
- b. Shares transferred into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 22 May 2000 in respect of Ordinary Transfers;
- c. Shares bought on the KLSE on a cum entitlement basis according to the Rules of the KLSE.

Shareholders are reminded that pursuant to the Securities Industry (Central Depositories) (Amendment)(No. 2) Act, 1998 which came into force on 1 November 1998, all shares not deposited with Malaysian Central Depository Sdn Bhd by 12.30 p.m. on 1 December 1998 and not exempted from Mandatory Deposit, have been transferred to the MOF. Accordingly, the dividend for such undeposited shares will be paid to MOF.

By Order of the Board

Wang Cheng Yong  
Zaiton Ahmad  
**Secretaries**

Kuala Lumpur  
Date: 21 April 2000

**Notes:**

- (i) A member entitled to attend and vote at the above Meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
- (ii) The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his attorney duly appointed under a power of attorney or if such appointee is a corporation, either under its common seal or under the hand of an attorney duly appointed under a power of attorney.
- (iii) The instrument appointing the proxy must be deposited at the Registered Office of the Company at 2nd Floor, Ibupejabat Telekom Malaysia, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting or any adjournment thereof.
- (iv) Explanatory Note for Ordinary Resolution No.9

In line with the Company's plan for expansion/diversification, the Company is actively looking into prospective areas so as to broaden its operating base and earning potential. As the expansion/diversification may involve the issuance of new shares, the Directors, under present circumstances would be required to convene a general meeting to approve the issuance of new shares even though the number involved is less than 10% of the issued share capital. In order to avoid any delay and cost involved in convening a general meeting to approve such issue of shares, it is considered appropriate that the Directors be now empowered to issue shares in the Company up to an amount not exceeding in total, 10% of the issued share capital of the Company for the time being, for such purposes as they consider would be in the interest of the Company. This authority unless revoked or varied at a general meeting will expire at the next Annual General Meeting of the Company.